

08 AUG 2003

HISHAMMUDDIN: ABDUL MALIK WAJAR JADI TELADAN GENERASI MUDA

SEPANG, 8 Ogos (Bernama) -- Kejayaan perenang maraton negara, Abdul Malik Mydin merentasi Selat Inggeris sejauh 58 kilometer dengan catatan masa 17 jam 35 minit wajar dijadikan panduan oleh generasi muda untuk maju dan meneruskan perjuangan negara, kata Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

"Saya menyokong kata-kata Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sememangnya tidak banyak bangsa di dunia mempunyai peluang seumpama (mencipta nama) itu.

"Kita mahu anak-anak muda yang mempunyai sikap dan sifat seperti Malik Mydin dan nilai positif yang ditunjukkan oleh Abdul Malik itu perlu diteladani," katanya pada sidang media selepas menyambut kepulangan wira negara itu di Balai Ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini.

Beliau menaruh keyakinan bahawa Abdul Malik boleh menjadi contoh teladan yang baik kepada generasi muda.

"Apa yang dilakukan Malik membawa erti yang mendalam, ia lebih daripada merentasi Selat Inggeris tetapi ia juga memberi keyakinan kepada golongan muda kita. Dengan ketabahan hati, semangat, komitmen, pengorbanan dan disiplin, tidak ada halangan yang tidak boleh kita lalui," katanya.

-- BERNAMA

FA HS RHM